

Cemas kotak basah disangka bahan radioaktif

Pekerja Gudang Kargo Pos Aviation dekat KLIA gempar

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Gudang Kargo Pos Aviation Sdn Bhd berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) gempar pagi semalam susulan penemuan sebuah kotak basah disangka akibat kebocoran bahan radioaktif.


Lebih 40 kakitangan syarikat logistik itu diarah mengosongkan kawasan gudang sebelum anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dan Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dikejarkan ke lokasi kejadian.

JBPM menerima panggilan kecemasan pada jam 10.42 pagi dengan sepasukan anggota dan dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) KLIA tiba di lokasi pada jam 10.50 pagi, disusuli Pasukan HAZMAT dari BPP Shah Alam.

Namun, pemeriksaan mendapati tiada kebocoran bahan radioaktif berlaku di gudang berkenaan, sebaliknya anggota JBPM dan HAZMAT hanya menemui satu kotak basah.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Hafisham Mohd Noor, berkata siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti jenis dan kandungan cecair berkenaan.

Katanya, dalam kotak basah



Anggota HAZMAT membuat pemeriksaan terhadap kakitangan Pos Aviation, semalam.

(Foto ihsan bomba)

yang ditemui itu terdapat dua unit logam mengandungi Iridium Metalsolid 192 untuk tujuan perubatan, masing-masing seberat 20 kilogram, namun pemeriksaan lanjut mendapati ia tidak pecah.

"Selepas pemeriksaan dengan AELB, kami dapati tiada kebocoran bahan radioaktif. Sebelum itu kakitangan di Pos Aviation mendapati sebuah kotak basah, namun apabila diperiksa ternyata tiada kebocoran radioaktif," katanya di lokasi kejadian.

Hafisham turut mengesahkan

tiada individu dilaporkan cedera atau terjejas selepas pemeriksaan oleh petugas Kementerian Kesihatan dan lebih 40 kakitangan syarikat itu dibenarkan memasuki semula ke kawasan gudang pada jam 3.30 petang.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya belum dapat memastikan punca kotak itu basah, termasuk tidak mengesan sesuatu yang mencurigakan di kawasan sekitarnya.

"Kita tidak tahu yang basah itu apa, apabila periksa sekeliling ternyata tiada kebocoran. Cecair

basah itu bukan dari bahan berkenaan (Iridium Metalsolid 192), kita tidak pasti ia air hujan atau apa kerana kawasan berkenaan memang tertutup.

"Mungkin dari awal ketika kotak itu dibawa masuk ia sudah basah. Kita minta syarikat berkaitan untuk mengambil barang berkenaan semula.

"Kotak itu sudah dibalut dan ditutup supaya tidak berlaku kebocoran," katanya.

Pos Aviation Sdn Bhd sebelum ini mengarahkan kakitangannya mengosongkan bangunan susu-



Hafisham Mohd Noor

Iridium-192

- » Sejenis isotop radioaktif komersial
- » Tempoh aktif sehingga 73 hari
- » Fungsi memancar radiasi beta dan gamma
- » Diguna secara meluas dalam industri mlinyak, palp dan kajian paleontologi
- » Kegunaan untuk rawatan kanser
- » Mampu merosakkan sel tubuh manusia
- » Membawa maut jika terkena pada dos berlebihan
- » Boleh diguna sebagai bahan membuat bom.



lan penemuan bahan cecair terbahit.

Hafisham memuji keprihatinan tiga petugas Pos Aviation Sdn Bhd yang peka dengan perubahan pada kotak bahan radioaktif itu dan melaporkannya kepada JBPM untuk tindakan lanjut.

"Untuk langkah pencegahan, ketiga-tiga mereka ini diletakkan di bawah pengawasan pihak Kementerian Kesihatan bagi memastikan mereka tidak terdedah kepada sebarang kesan sampingan," katanya.